

Tan Sri Dr Anuwar Mahmud (1927-1993)

Dirujuk oleh:-

- [1980-04-15: Pembinaan Ibu Pejabat PORIM](#)

Riwayat Hidup

- **1927:** Dilahirkan di Petaling, Selangor.
- **1948:** Setelah cemerlang dalam Cambridge School Certificate Examination, beliau dianugerahi tajaan Rancangan Colombo untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang sains veterinar di India.
- **1952:** Berjaya memperolehi ijazah G. V. Sc. (Sains Veterinar) dan dianugerahi pingat perak atas kecemerlangannya. Pulang ke Malaya dan bertugas sebagai pegawai veterinar di beberapa negeri, terakhir di Kluang, Johor.
- **1960:** Dianugerahi Pingat Ahli Kelantan.
- **1963:** Melanjutkan pelajaran di [University of Hawaii](#) dalam Master of Science. Setelah berjaya dengan cemerlang, beliau dipilih sebagai ahli [American Honours Society - Phi Kappa Phi](#).
- **1964:** Bertugas di Fakulti Pertanian [Universiti Malaya](#). Beliau kemudiannya menjadi Warga tempatan pertama yang dilantik sebagai dekan di sana.



Bangunan Fakulti Pertanian, Universiti Malaya, 1960-an (Sumber gambar: University of Malaya Archive, "[Bangunan Fakulti Pertanian](#)," in [UM Memory](#), Item #5114).

- **1968 (28 Ogos):** Menghadiri perjumpaan bersama 50 orang tokoh lain di Dewan Bahasa dan Pustaka (dipengerusikan oleh Syed Nasir Ismail), yang telah mencapai beberapa resolusi bermatlamatkan penubuhan sebuah Universiti Kebangsaan berpengantar Bahasa Melayu (asas penubuhan [UKM](#)). Di sini juga beliau telah dilantik sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa Kecil Konsep dan Ilmiah, dalam Jawatankuasa Penaja Penubuhan Universiti Kebangsaan.



Tan Sri Datuk Dr. Anuwar Mahmud
Ahli Jawatankuasa Kecil Konsep
dan Ilmiah

(Harith Faruqi Sidek, 2007:

["Sejarah Pengasas dan Pelopor Penubuhan UKM"](#)).

- **1971:** Fakulti Pertanian [Universiti Malaya](#) digabungkan dengan Sekolah Pertanian / Kolej

Pertanian Malaya di Serdang, bagi menubuhkan [Universiti Pertanian Malaysia \(UPM\)](#) (Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia, 2017:

|
"Sejarah Penubuhan UPM").

- **1971:** Dilantik sebagai Pengarah di [Malaysian Agricultural Research and Development Institute \(MARDI\)](#).
- **1974:** Dianugerahi Johan Mangku Negara.
- **1975:** Dianugerahi Panglima Gemilang Darjah Kinabalu.
- **1975-1980:** Naib Canselor [Universiti Kebangsaan Malaysia \(UKM\)](#) (Berita Harian, 6 Disember 2018:

|
"Prof Mohd Hamdi dilantik Naib Canselor UKM").



YBhg Prof. Tan Sri Datuk Dr. Anuwar Mahmud
(Mulai 1 April 1975 - 13 Mac 1980)

(Harith Faruqi Sidek, 2007:

|
"Sejarah Pengasas dan Pelopor Penubuhan UKM").

- **1977:** Dianugerahi Panglima Setia Mahkota oleh Yang Di Pertuan Agong, lalu bergelar Tan Sri.
- **1977-1981:** Dilantik sebagai timbalan pengerusi International Society for the Advancement of Breeding Researchers in Asia and Oceania (SABRAO), juga pengasas serta presiden pertama [International Society of Oil Palm Breeders \(ISOPB\)](#).
- **1980 (1 April):** Dilantik sebagai pengarah Palm Oil Research Institute of Malaysia (PORIM). Beliau merupakan pengarah tempatan pertama institut ini.
- **1983:** Dianugerahi Doktor Kehormat Sains di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- **1990:** Meletakkan jawatan sebagai pengarah PORIM. Dilantik sebagai pengerusi Programme Advisory Committee (Biology Subcommittee) di PORIM.

- **1993 (21 April):** Meninggal dunia kerana sakit jantung di Institut Jantung Negara (IJN) (Bernama, 22 April 1993:

"Anuwar Mahmud meninggal dunia").

- Dewan utama Fakulti Sains dan Teknologi UKM kini dinamakan sempena beliau.



Dewan Anuwar Mahmud, Fakulti Sains dan Teknologi, UKM (Sumber gambar: Azra Syarina, 2014:

"Bangunan-bangunan di UKM (HIGH ANGLE)").

(Sumber utama: The International Society for Oil Palm Breeders / Persatuan Ahli-Ahli Pembiaik Baik Kelapa Sawit Antara Bangsa, July - December 1990:

Newsletter / Berita ISOPB, Vol. 8, m.s.2: "Feature Article I: Tan Sri Datuk Dr. Anuwar b. Mahmud").

Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.

Laman Utama	1900-1909	1910-1919	1920-1929	1930-1939	1940-1949	1950-1959	1960-1969	1970-1979	1980-1989	1990-1999
Siri Cebisan Sejarah:	Bangi	Gambang	Hutan	Ipoh	Kajang	Kuala Lumpur	Kuantan	Pulau Pinang	Hubungi Kami	

Selain petikan dan sumber yang dinyatakan, rencana ini telah diusahakan oleh TMK Pulasan, di bawah kelolaan Syahrul Sazli Shahrir <sazli@pulasan.my>. Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.

From:

<https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link:

https://bangi.pulasan.my/anuwar_mahmud

Last update: **2021/12/06 08:43**

